



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEBERKESANAN PENDEKATAN KOMUNIKATIF
DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN
BERTUTUR BAHASA TAMIL
MURID TINGKATAN 2**

JAGATHAMBIGAI A/P CHANDRASEGARAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2025**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



CamScanner



**KEBERKESANAN PENDEKATAN KOMUNIKATIF DALAM
MENINGKATKAN KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA TAMIL
MURID TINGKATAN 2**

JAGATHAMBIGAI A/P CHANDRASEGARAN



**LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(BAHASA TAMIL)
(MOD KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
لونیوسیتی قندییدن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 24... (hari bulan) 12... (bulan) 2025

i. Perakuan pelajar:

Saya, **Jagathambigai A/P Chandrasegaran, M20241000826, Fakulti Bahasa dan Komunikasi** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **Keberkesanan Pendekatan Komunikatif dalam Meningkatkan Kemahiran Bertutur Bahasa Tamil Murid Tingkatan 2** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.


Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **Assoc.Prof. Dr. Manonmani Devi M.A.R. Annamalai** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **Keberkesanan Pendekatan Komunikatif dalam Meningkatkan Kemahiran Bertutur Bahasa Tamil Murid Tingkatan 2** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sepenuhnya syarat untuk memperoleh **Ijazah Sarjana Pendidikan (Bahasa Tamil)**.

24/12/2025

Tarikh



Tandatangan Penyelia

Assoc.Prof. Dr. Manonmani Devi M.A.R. Annamalai
Faculty of Languages and Communication,
Sultan Idris Education University,
35900 Tarjong Malim, Perak, Malaysia



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپنورسیتی قندیدیقن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title : KEBERKESANAN PENDEKATAN KOMUNIKATIF DALAM MENINGKATKAN
KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA TAMIL MURID TINGKATAN 2

No. Matrik /Matric's No. : M20241000826
Saya / I : JAGATHAMBIGAI A/P CHANDRASEGARAN

mengaku membenarkan Tesis/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sains Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

CP Jaga.

(Tandatangan Pelajar/ Signature of Student)
Tarikh/Date: 24/12/2025

Assoc. Prof. Dr. Manonmani Devi M.A.R. Annamalai

(Tandatangan Pengerusi/ Supervisor)
& (Nama & Cap Stempel Universiti/ Stamp)
35900 Tarjong Malim, Perak, Malaysia

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada yang saya hormati, Profesor Madya Dr. Manonmani Devi A/P M.A.R. Annamalai, penyelia penyelidikan tunjuk ajar serta kesabaran yang diberikan sepanjang tempoh menjadi penyelia dalam melaksanakan kajian ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Bahagian Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan yang sudi mengambil bahagian dalam penyelidikan ini. Terima kasih juga kepada bapa saya Chandrasegaran A/L Subramanian, ibu saya Parvathy A/P Ramoo, kakak, adik yang telah berada di sisi dan memberikan sokongan moral yang sepenuhnya kepada saya sejak permulaan proposal sehingga akhir penulisan laporan tesis.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan Pendekatan Komunikatif dalam meningkatkan kemahiran bertutur Bahasa Tamil dalam kalangan murid Tingkatan 2. Kajian ini memfokuskan kepada dua objektif kajian utama, iaitu mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Tamil murid selepas pelaksanaan Pendekatan Komunikatif dan menganalisis keberkesanan pendekatan tersebut dalam meningkatkan kemahiran bertutur murid. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kuasi eksperimen tanpa kumpulan kawalan. Seramai 30 orang murid Tingkatan 2 dipilih sebagai sampel kajian. Instrumen kajian terdiri daripada ujian pra dan ujian pasca kemahiran bertutur yang dinilai berdasarkan Tahap Penguasaan (TP1-TP6) seperti yang digariskan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Intervensi dijalankan selama enam minggu melalui pelaksanaan pelbagai aktiviti komunikasi. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan yang ketara dalam tahap penguasaan kemahiran bertutur murid selepas intervensi dan Pendekatan Komunikatif sesuai diaplikasikan dalam pengajaran bahasa di peringkat sekolah menengah.

Kata Kunci : Pendekatan Komunikatif, kemahiran bertutur, bahasa Tamil, Tahap Penguasaan,

ABSTRACT

This study aims to examine the effectiveness of the Communicative Approach in improving Tamil speaking skills among form 2 Students. The study focuses on two main research objectives, namely to identify the level of students Tamil speaking proficiency after the implementation of the Communicative Approach and to analyse the effectiveness of this approach in enhancing students speaking skills. A quantitative approach with a quasi-experimental design without a control group was employed in this study. A total of 30 Form 2 students were selected as the research sample. The research instruments consisted of pre test and post test speaking assessments evaluated based on Performance Levels (TP1-TP6) as outlines in the Curriculum and Assessment Standard Document (DSKP). The intervention was conducted over a six-week period through the implementation of various communicative activities. The findings revealed a significant improvement in students's speaking proficiency after the intervention, indicating that the Communicative Approach is suitable for application in language teaching at the secondary school level.

Keywords : Communicative Approach, speaking skills, Tamil language, performance levels



ISI KANDUNGAN

PERAKUAN	Error! Bookmark not defined.
PENGESAHAN PENYERAHAN	Error! Bookmark not defined.
DEDIKASI	Error! Bookmark not defined.
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI SINGKATAN	viii
SENARAI LAMPIRAN	Error! Bookmark not defined.
BAB 1	1
1.1 PENGENALAN	2
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN	2
1.3 PERNYATAAN MASALAH	4
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	6
1.5 PERSOALAN KAJIAN	7
1.6 HIPOTESIS KAJIAN	7
1.7 BATASAN KAJIAN	7
1.8 KEPENTINGAN KAJIAN	9
1.8.1 Kepentingan kepada Sistem Pendidikan	9
1.8.2 Kepentingan kepada Pihak Sekolah	9
1.8.3 Kepentingan kepada Guru	9
1.8.4 Kepentingan kepada Murid	10
1.8.5 Kepentingan kepada Penyelidikan Akademik	10
1.9 SUMBER KAJIAN	10
1.9.1 Sumber Primer	10
1.9.2 Sumber Sekunder	11
1.10 Definisi Operasional	11
1.10.1 Kemahiran bertutur	11
1.10.2 Pendekatan Komunikatif	12
1.11 KESIMPULAN	13
BAB 2	15
2.1 PENGENALAN KEPADA KONTEKS KAJIAN	16
2.2 KAJIAN LEPAS BERKAITAN KEMAHIRAN BERTUTUR	16





2.3 KAJIAN LEPAS BERKAITAN PENDEKATAN KOMUNIKATIF	18
BAB 3	25
3.1 PENGENALAN	26
3.2 REKA BENTUK KAJIAN	26
3.3 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN	27
3.4 INSTRUMEN KAJIAN	28
A) Ujian Pra	28
3.4.1 JADUAL TAHAP PENGUASAAN (TP)	29
3.4.2 ASPEK-ASPEK PENILAIAN UJIAN PRA DAN PASCA	30
3.5 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA KAJIAN	32
3.5.1 AKTIVITI INTERVENSI KEMAHIRAN BERTUTUR MENGGUNAKAN PENDEKATAN KOMUNIKATIF	35
3.6 TEKNIK ANALISIS DATA	39
3.7 KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN	40
3.8 ETIKA KAJIAN	40
3.9 PENUTUP	41
BAB 4	42
4.1 PENGENALAN	43
4.2 MENGENALPASTI TAHAP PENGUASAAN KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA TAMIL MURID TINGKATAN 2 SELEPAS PENDEKATAN KOMUNIKATIF DAN MENGANALISIS KEBERKESANAN PENDEKATAN KOMUNIKATIF DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA TAMIL	43
4.3 ANALISIS TAHAP PENGUASAAN KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA TAMIL DALAM UJIAN PRA	44
4.4 ANALISIS TAHAP PENGUASAAN KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA TAMIL DALAM UJIAN PASCA	46
4.5 ANALISIS PERBANDINGAN UJIAN PRA DAN UJIAN PASCA BERDASARKAN TAHAP PENGUASAAN (TP)	48
4.6 PENUTUP	51
BAB 5	52
5.1 PENGENALAN	53
5.2 TAHAP PENGUASAAN KEMAHIRAN BERTUTUR SELEPAS INTERVENSI	53
5.3 KEBERKESANAN PENDEKATAN KOMUNIKATIF DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN BERTUTUR	54
5.4 IMPLIKASI KAJIAN	56
5.4.1 Implikasi terhadap Amalan Pengajaran	56
5.4.2 Implikasi terhadap Kurikulum Bahasa Tamil	57
5.4.3 Implikasi terhadap Profesionalisme Guru	57



5.5 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN	58
5.6 PENUTUP	59
RUJUKAN	60
LAMPIRAN	Error! Bookmark not defined.

**SENARAI JADUAL**

JADUAL	TAJUK	HALAMAN
Jadual 3.4.1	Tahap Penguasaan (TP1-TP6) Kemahiran Bertutur Bahasa Tamil	29
Jadual 3.4.2	Aspek-Aspek Penilaian Ujian Pra Dan Pasca	30
Jadual 3.5.1	Aktiviti intervensi kemahiran bertutur menggunakan pendekatan komunikatif	37
Jadual 4.3	Analisis Tahap Penguasaan Ujian Pra Murid Mengikut Tahap Masing-Masing.	44
Jadual 4.4	Analisis Tahap Penguasaan Ujian Pasca Murid Mengikut Tahap Masing-Masing.	47
Jadual 4.5	Analisis Perbandingan Ujian Pra Dan Ujian Pasca Berdasarkan Tahap Penguasaan (TP)	49





SENARAI SINGKATAN

DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcara
FPK	<i>Falsafah Pendidikan Kebangsaan</i>
WPKL	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
TP	Tahap Penguasaan
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



1.1 PENGENALAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji keberkesanan pendekatan komunikatif dalam meningkatkan Kemahiran bertutur bahasa Tamil murid tingkatan 2. Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, sumber kajian, definisi operasional termasuklah kesimpulan. Secara keseluruhannya, bab ini akan memberi gambaran awal tentang keseluruhan kajian ini.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Bahasa memainkan peranan penting sebagai medium komunikasi dalam kehidupan manusia. Sebagai alat utama untuk menyampaikan idea, perasaan, dan maklumat, penguasaan bahasa yang baik adalah asas kepada interaksi sosial, pendidikan, dan pembangunan diri (Brown, 2007). Terdapat lebih 3000 bahasa di dunia ini. Antara bahasa-bahasa ini, Bahasa Tamil merupakan salah satu bahasa yang tertua dan klasik di dunia.

Di Malaysia, penggunaan Bahasa Tamil adalah sangat meluas. Bahasa Tamil, salah satu bahasa klasik dunia, merupakan bahasa rasmi di beberapa negara seperti India, Sri Lanka, dan Singapura (Ramaswamy, 1997). Di Malaysia, bahasa Tamil mempunyai kedudukan yang penting sebagai salah satu bahasa ibunda yang diajar di sekolah rendah Tamil mahupun di sekolah menengah.

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah digubal semula sejajar dengan transformasi kurikulum sekolah rendah yang mula digunakan sejak tahun 2011. Kurikulum Baharu berasaskan standard ini mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang didokumenkan sebagai Dokumen Standard





Kurikulum Pentaksiran (DSKP). Kemahiran bahasa merupakan teras kepada Standard Kurikulum Bahasa Tamil. Menurut DSKP, kemahiran bahasa ini diorganisasikan dalam lima modul kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis, aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2022).

Semua murid perlu menguasai kemahiran bahasa yang diterapkan dalam DSKP. Namun, masih ada murid yang mengalami masalah dalam penguasaan kemahiran bahasa, khususnya kemahiran bertutur. Ramai murid menghadapi kesukaran bertutur secara lancar dan tepat, terutamanya apabila diminta untuk berkomunikasi dalam situasi harian atau rasmi. Faktor seperti kaedah pengajaran yang lebih berorientasikan teori dilihat menyumbang kepada kelemahan ini (Annamalai, E. 2004).

Dalam mencapai hasrat dan matlamat KSSM, strategi PdP Bahasa Tamil perlu menggunakan pelbagai prinsip, teknik dan pendekatan untuk memenuhi konsep bersepadu dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Salah satu pendekatan yang boleh diaplikasikan oleh guru dalam meningkatkan kemahiran bertutur dalam kalangan murid adalah pendekatan komunikatif.

Pendekatan Komunikatif mula diperkenalkan pada 1970-an. Ia bertujuan untuk mengatasi kekangan dalam kaedah pengajaran tradisional dengan menumpukan perhatian kepada penggunaan bahasa dalam situasi sebenar (Canale & Swain, 1980). Melalui aktiviti interaktif seperti simulasi, permainan peranan, dan perbualan kumpulan, pendekatan komunikatif memberi peluang kepada pelajar untuk berlatih menggunakan bahasa secara praktikal. Dalam konteks bahasa Tamil, pendekatan komunikatif berpotensi besar untuk membantu pelajar meningkatkan kemahiran bertutur dengan memberikan mereka ruang



untuk berinteraksi dan memahami nuansa budaya yang terkandung dalam bahasa itu sendiri (Jayakaran, 2019).

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk menilai keberkesanan pendekatan komunikatif dalam meningkatkan kemahiran bertutur murid tingkatan 2. Dengan mengambil kira cabaran yang dihadapi pelajar dan keperluan untuk meningkatkan kecekapan komunikasi mereka, pendekatan ini dijangka dapat menawarkan penyelesaian yang praktikal dan relevan. Pada masa yang sama, kajian ini juga diharapkan dapat menyumbang kepada literatur sedia ada tentang pendekatan komunikatif dalam konteks pengajaran bahasa Tamil dan memberikan panduan kepada guru dalam pelaksanaan kaedah pengajaran yang lebih efektif (Richards & Rodgers, 2001).

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Pendidikan bahasa Tamil di Malaysia memainkan peranan penting dalam memastikan pewarisan budaya dan bahasa bagi Masyarakat India. Meskipun, pelbagai pendekatan telah diperkenalkan dalam pengajaran Bahasa Tamil, tahap penguasaan murid terhadap pengajaran bahasa Tamil masih tidak mencapai tahap yang memuaskan. Isu ini menjadi lebih serius apabila Kemahiran bertutur dianggap sebagai komponen penting dalam Pembangunan keupayaan sosial dan akademik murid. Hal ini dikatakan demikian kerana, kemahiran bertutur merupakan salah satu komponen penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil. Dalam konteks sekolah, murid mengalami pelbagai masalah dalam Kemahiran bertutur. Kajian semasa menunjukkan bahawa kemahiran ini kurang diberi perhatian oleh pelajar dan guru, meskipun peranan bertutur dalam kehidupan harian dan kerjaya sangat signifikan (Isnaini, 2018 ; Nurul & Nooreiny 2020).



Salah satu masalah yang dihadapi oleh murid dalam Kemahiran bertutur adalah kurangnya motivasi untuk menguasai bahasa Tamil secara lisan. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengajaran secara teoritikal atau pengajaran berpusatkan guru seringkali tidak menarik perhatian murid di dalam bilik darjah . Kebanyakan guru di sekolah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru, dimana guru sahaja yang berkomunikasi dan menyampaikan maklumat di dalam bilik darjah. Malah, peranan murid dalam kelas hanyalah sebagai pendengar. Perkara ini menyebabkan murid berasa bosan dan kekurangan peluang untuk berkomunikasi dalam bahasa Tamil menjadikan murid kurang bermotivasi untuk menguasai bahasa tersebut (Harun ,2020).

Selain itu, kekurangan keyakinan diri dan rasa malu menghalang murid daripada bertutur dalam Bahasa Tamil. Murid berasa malu atau takut untuk melakukan kesilapan, terutamanya apabila bertutur di hadapan rakan sebaya. Masalah ini sering dikaitkan dengan kurangnya peluang untuk berlatih bertutur di dalam bilik darjah atau aktiviti yang menyeronokkan. Perasaan takut dalam kalangan murid juga menjadi penghalang besar untuk bertutur di dalam bilik darjah.

Seterusnya, kaedah pengajaran tradisional dan tidak berpusatkan pelajar merupakan salah satu masalah yang dihadapi oleh murid. Kaedah pengajaran tradisional biasanya menumpukan kepada hafalan dan penulisan dan kurang memberikan penekanan kepada aktiviti komunikasi. Guru sering menggunakan buku teks sebagai alat utama untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran tanpa melibatkan murid secara aktif dalam komunikasi. Hal ini sekaligus mengurangkan peluang murid untuk membina kemahiran bertutur dalam diri sendiri. Oleh itu, kaedah pengajaran tradisional sering tidak melibatkan



murid secara aktif dan menyebabkan kurang pendedahan kepada komunikasi secara spontan (Sukor, 2023).

Tambahan pula, latar belakang sosial dan ekonomi juga boleh dikatakan salah satu masalah murid menghadapi masalah dalam kemahiran bertutur. Murid dari latar belakang keluarga yang kurang fasih dalam bahasa Tamil menghadapi kesukaran untuk bertutur dalam bahasa Tamil. Latar belakang keluarga yang mengutamakan bahasa dominan seperti bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dalam perbualan seharian mereka mengurangkan peluang murid untuk mempratikkan bahasa Tamil secara spontan (Harun, 2020).

Dengan menjalankan kajian ini, saya berharap agar masalah-masalah yang dinyatakan di atas dapat diselesaikan dengan menggunakan pendekatan komunikatif .

Objektif dalam kajian telah ditetapkan bagi tujuan untuk memastikan kajian ini dilaksanakan secara relevan serta bermutu dan memastikan matlamat kajian dicapai dengan jelas. Objektif umum bagi kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanan pendekatan komunikatif dalam meningkatkan Kemahiran bertutur bahasa Tamil murid tingkatan 2.

Manakala, berikut adalah objektif khusus dalam kajian ini ;

- i. Mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Tamil murid Tingkatan 2 selepas Pendekatan Komunikatif
- ii. Menganalisis keberkesanan Pendekatan Komunikatif dalam meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Tamil.



1.5 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan oleh pengkaji berpunca daripada persoalan-persoalan yang timbul dalam diri pengkaji. Berikut merupakan persoalan-persoalan kajian yang timbul :

- i. Apakah tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Tamil murid Tingkatan 2 selepas Pendekatan Komunikatif ?
- ii. Sejauhmanakah Pendekatan Komunikatif berkesan dalam meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Tamil murid Tingkatan 2.

1.6 HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis kajian ini adalah :

Ho 1: Tidak terdapat perbezaan signifikan terhadap keberkesanan pendekatan komunikatif dalam meningkatkan Kemahiran bertutur bahasa Tamil murid tingkatan 2.



1.7 BATASAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa batasan yang telah ditetapkan bagi memastikan skop kajian adalah jelas dan sesuai dengan objektif yang dirancang. Batasan-batasan kajian adalah seperti batasan kawasan kajian, sampel kajian, tempoh kajian dan kaedah kajian.

Kajian ini mengkaji tentang keberkesanan pendekatan komunikatif dalam meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Tamil murid Tingkatan 2 dengan dua objektif kajian yang khusus iaitu mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Tamil murid Tingkatan 2 selepas Pendekatan Komunikatif dan menganalisis keberkesanan Pendekatan Komunikatif dalam meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Tamil



Kajian ini memberikan tumpuan terhadap kemahiran bertutur dalam kalangan murid menengah rendah iaitu seramai 30 orang responden. Dalam kajian ini, pengkaji memilih responden secara rawak dan memilih murid Tingkatan 2 sebagai responden kerana mereka menepati pertimbangan yang dirancang. Pertimbangan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah responden kajian dapat memberikan data dan maklumat yang berpatutan berkaitan dengan keberkesanan pendekatan komunikatif dalam meningkatkan kemahiran bertutur.

Di samping itu, murid-murid menengah rendah di sekolah menengah dipilih sebagai responden kerana mereka merupakan murid dan belajar di bawah sistem Pendidikan yang mengalami persekitaran tekanan dan beban serta terdiri daripada latar belakang yang pelbagai untuk perbandingan.

Dalam pada itu, proses dapatan maklumat dan data daripada responden dilakukan di sekolah menengah yang terletak di dalam kawasan daerah Sentul, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ia sangat bersesuaian dari segi kriteria ekonomi kajian yang menekankan penggunaan kos, tenaga kerja dan masa demi mencapai hasrat kajian ini.

Kajian ini dijalankan dalam tempoh dua bulan, bermula dari Julai hingga September 2025. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui ujian pra dan ujian pos. Ujian pra dan ujian pasca digunakan untuk mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran bertutur bahasa Tamil murid tingkatan 2 selepas penggunaan Pendekatan Komunikatif.



1.8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai kepentingan yang signifikan dalam bidang Pendidikan bahasa, khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil. Kajian ini penting untuk pelbagai pihak termasuk Sistem Pendidikan, Sekolah, Guru, Murid dan Penyelidikan Akademik.

1.8.1 Kepentingan kepada Sistem Pendidikan

Dalam konteks sistem Pendidikan, kajian ini dapat menjadi rujukan untuk memperkayakan kurikulum sukatan Pelajaran dengan memasukkan elemen komunikatif dalam pengajaran bahasa. Dengan pelaksanaan pendekatan ini, standard bahasa di kalangan pelajar dapat ditingkatkan sejajar dengan keperluan global. Kajian ini menyokong dasar Pendidikan yang memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran komunikasi sebagai sebahagian daripada perkembangan holistic pelajar.



1.8.2 Kepentingan kepada Pihak Sekolah

Di peringkat sekolah, kajian ini menyumbang kepada peningkatan prestasi akademik pelajar dalam subjek bahasa melalui pendekatan yang lebih praktikal ini. Kajian ini juga mendorong pihak sekolah untuk memperkenalkan kaedah pengajaran yang inovatif dan berkesan. Dengan pelaksanaan pendekatan ini, pihak sekolah dapat membina pelajar yang berketerampilan bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga dari segi kemahiran komunikasi yang mantap.

1.8.3 Kepentingan kepada Guru

Kepada guru pula, kajian ini menjadi panduan untuk memahami keberkesanan pendekatan komunikatif dan cara pelaksanaanya di dalam kelas. Dengan pendekatan ini, guru dapat melaksanakan aktiviti pembelajaran yang lebih menarik dan interaktif. Melalui





kaedah ini juga, guru dapat mengenalpasti masalah pelajar dalam kemahiran bertutur dan dapat menyusun strategi yang baik untuk mengatasinya.

1.8.4 Kepentingan kepada Murid

Bagi pelajar, kajian ini membantu untuk meningkatkan kemahiran bertutur dengan lebih baik. Bukan itu sahaja, aktiviti komunikatif juga memberi peluang kepada pelajar untuk melahirkan keyakinan diri pelajar untuk bertutur tanpa rasa takut dan malu. Kemahiran bertutur yang baik dapat menyediakan pelajar untuk menghadapi cabaran masa hadapan, terutamanya dalam konteks akademik.

1.8.5 Kepentingan kepada Penyelidikan Akademik

Selain itu, kajian ini memberi kepentingan kepada penyelidikan akademik dalam penambahan literatur kepada bidang bahasa, khususnya dalam konteks pendekatan komunikatif. Hasil kajian ini boleh menjadi asas untuk penyelidikan lanjut dalam pendekatan pengajaran lain. Kajian ini juga memberi bukti empirical tentang keberkesanan pendekatan komunikatif dalam konteks tempatan.

1.9 SUMBER KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan banyak sumber kajian. Sumber kajian ini dibahagikan kepada dua iaitu sumber primer dan sumber sekunder.

1.9.1 Sumber Primer

Menurut Rohana Yusof dalam buku Penyelidikan Sains Sosial (2004), sumber primer ialah data yang berasal dari sumber asli atau pertama. Sabitha Marican (2005) berpendapat sumber primer ialah data asal yang dikumpul secara khususnya untuk



menjawab persoalan kajian. Secara umumnya, sumber primer bermaksud sumber data yang diperoleh daripada tesis, jurnal dan prosiding.

1.9.2 Sumber Sekunder

Menurut Sabitha Marican (2005), sumber sekunder ialah data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain. Secara umumnya, sumber sekunder ialah data yang diolah daripada sumber yang sedia ada (data primer) yang telah diterbitkan kepada umum seperti buku, arkib dan sebagainya.

1.10 Definisi Operasional

Sebelum menjalankan kajian secara terperinci, adalah penting untuk mengetahui konsep-konsep seperti Kemahiran bertutur, Pendekatan Komunikatif.

1.10.1 Kemahiran bertutur

Menurut Tarigan (1981) dalam konteks bahasa Melayu dan Indonesia menjelaskan bahawa kemahiran bertutur ialah kemampuan menyampaikan idea, fikiran, dan perasaan secara lisan dengan menggunakan bahasa yang tepat dan sesuai. Seterusnya, Bygate (1987) menjelaskan bahawa kemahiran bertutur adalah gabungan antara penguasaan elemen linguistik seperti tatabahasa dan kosa kata serta kemahiran sosial seperti memahami konteks dan intonasi. Menurut Nunan (1991), beliau menyatakan bahawa kemahiran bertutur ialah proses interaksi di mana pelajar menggunakan bahasa sebagai alat untuk bertukar maklumat dalam konteks tertentu. Burns dan Joyce (1997) menyatakan bahawa kemahiran bertutur melibatkan kemampuan mengatur idea, memilih perkataan, dan menyusun ayat untuk memastikan komunikasi berjalan lancar dan relevan.



Menurut Chaney (1998), kemahiran bertutur merujuk kepada kemampuan menggunakan bahasa secara lisan untuk berkomunikasi dengan orang lain, menyampaikan maklumat, dan menyatakan pendapat. Menurut Larsen-Freeman (2000) kemahiran bertutur boleh didefinisikan sebagai kemampuan menggunakan bahasa dengan lancar dan tepat untuk menyampaikan mesej, mengambil giliran dalam perbualan, dan mengadaptasi gaya komunikasi mengikut situasi. Selain itu, kemahiran bertutur didefinisikan sebagai keupayaan menghasilkan dan memahami bahasa lisan yang digunakan dalam komunikasi yang bermakna (Brown, 2001). Richards dan Rodgers (2001) pula menegaskan bahawa kemahiran bertutur melibatkan keupayaan berkomunikasi secara spontan dan tepat dalam pelbagai situasi kehidupan. Bukan itu sahaja, Harmer (2007) berpendapat kemahiran bertutur merupakan satu tindakan untuk menghasilkan bunyi bahasa yang bermakna untuk tujuan komunikasi, melibatkan kelancaran dan ketepatan. Akhir sekali, Hughes (2011) menyebut kemahiran bertutur sebagai kemampuan untuk menyampaikan idea secara lisan dengan baik, yang mencerminkan kefahaman terhadap struktur bahasa dan kebolehan mengadaptasi maklumat mengikut keperluan pendengar.

1.10.2 Pendekatan Komunikatif

Menurut Widdowson (1978), beliau menerangkan Pendekatan Komunikatif sebagai usaha untuk menghubungkan tatabahasa dan penggunaan bahasa dalam konteks sosial yang sebenar. Canale dan Swain (1980) pula mendefinisikan pendekatan komunikatif sebagai usaha untuk mengembangkan kecekapan komunikatif pelajar, termasuk aspek linguistik, sociolinguistik, dan strategi komunikasi. Selain itu, Littlewood (1981) menyatakan bahawa Pendekatan Komunikatif adalah pendekatan yang mengintegrasikan elemen linguistik dan non-linguistik untuk membolehkan pelajar berkomunikasi secara efektif dalam pelbagai situasi. Savignon (1983) menerangkan bahawa pendekatan ini memberi tumpuan kepada kecekapan komunikatif, iaitu





kemampuan memahami dan menghasilkan bahasa yang sesuai dengan konteks sosial. Seterusnya, Finocchiaro dan Brumfit (1983) mendefinisikan pendekatan ini sebagai kaedah pengajaran yang mementingkan penguasaan makna, fungsi, dan penggunaan bahasa dalam interaksi sosial.

Bukan itu sahaja, Nunan (1989) mendefinisikan pendekatan ini sebagai satu kerangka pengajaran yang memberi tumpuan kepada keperluan komunikasi pelajar dalam situasi yang autentik. Ellis (1997) menyatakan bahawa Pendekatan Komunikatif ialah kaedah yang memfokuskan kepada bagaimana pelajar menggunakan bahasa sebagai alat untuk berinteraksi dan bukannya hanya memahami tatabahasa secara terasing. Harmer (2001) menyatakan bahawa Pendekatan Komunikatif ialah pendekatan yang menumpukan kepada tugas-tugas autentik yang meniru komunikasi kehidupan sebenar untuk membantu pelajar menggunakan bahasa secara praktikal. Richards dan Rodgers (2001)

mendefinisikan Pendekatan Komunikatif sebagai satu kaedah pengajaran bahasa yang menekankan penggunaan bahasa untuk komunikasi bermakna dengan fokus kepada fungsi dan konteks, bukan sekadar struktur tatabahasa. Brown (2007) menjelaskan bahawa Pendekatan Komunikatif ialah satu falsafah pengajaran yang mengutamakan interaksi dan penggunaan bahasa dalam konteks sebenar sebagai asas kepada pembelajaran.

1.11 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, bab ini akan memberikan gambaran menyeluruh tentang kajian yang dilakukan, bermula dengan latar belakang kajian yang menjelaskan isu utama dan kepentingannya. Pernyataan masalah merumuskan jurang pengetahuan atau cabaran yang memerlukan penyelesaian. Seterusnya, objektif kajian dirangka untuk mencapai matlamat penyelidikan, disokong oleh persoalan kajian yang spesifik. Kajian ini





juga memperincikan kepentingannya kepada pelbagai pihak, termasuk pelajar, guru, sekolah, dan bidang pendidikan secara keseluruhan. Skop kajian dan batasanannya turut dijelaskan untuk memastikan tumpuan yang jelas. Secara keseluruhannya, Bab 1 berfungsi sebagai asas yang kukuh untuk kajian, menyediakan konteks, arah, dan justifikasi bagi penyelidikan yang akan dilakukan.

